



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 Disember 2024

**KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG PEROLEHAN KERETAPI ELEKTRIK KERETAPI
TANAH MELAYU DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, PERBADANAN ASET
KERETAPI DAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD**

1. Prosiding berhubung Perolehan Keretapi Elektrik (EMU) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT), Perbadanan Aset Keretapi dan KTMB diadakan bagi Kerajaan memberikan penjelasan dengan lebih terperinci berhubung perolehan berkenaan.
2. Saya ingin menjelaskan kepada YB Menteri Pengangkutan berhubung kenyataannya semalam bahawa ini bukan kali pertama untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memulakan prosiding dengan memanggil kementerian untuk memberikan penjelasan sebelum Kerajaan membuat sebarang keputusan termasuk menandatangani kontrak.
3. Sebelum ini, PAC telah mengadakan prosiding berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bermula Februari 2024.
4. Walaupun, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan termasuk menandatangani kontrak pelaksanaan terhadap projek MLFF ini, PAC berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk Kerajaan melalui KKR hadir bagi memberikan penjelasan supaya rakyat mengetahui perkara sebenarnya mengapa projek MLFF ini hendak dilaksanakan.
5. PAC berpandangan perolehan EMU KTM ini perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci kepada Jawatankuasa ini supaya rakyat mengetahui mengapa MOT memilih model pajakan selama 30 tahun bernilai lebih RM10 bilion untuk memperoleh EMU ini.

6. Cadangan perolehan ini mula diumumkan Kerajaan pada 14 Ogos 2024, apabila YB Menteri Pengangkutan bersama YB Menteri Ekonomi mengadakan satu sesi sidang media berhubung Pemerksaan Industri Kereta Api melalui cadangan pelaksanaan kaedah pajakan Tren Penumpang. Selain itu, pada 27 Disember 2024 ketika penggulungan sesi perbahasan peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Pengangkutan pada 27 November 2024 di Dewan Rakyat, YB Menteri Pengangkutan turut telah menjelaskan mengenai model pajakan ini.
7. Selain itu, Ketua Setiausaha (KSU) MOT juga telah memberikan penjelasan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi berhubung perolehan EMU secara pajakan ini pada 4 Disember 2024.
8. PAC juga ingin menjelaskan bahawa apabila jawatankuasa ini mengadakan prosiding, ia tidak bermakna bahawa isu berkenaan berhadapan dengan masalah daripada segi ketirisan, pembaziran atau penyelewengan sebaliknya, Jawatankuasa ini turut berperanan melihat sebarang cadangan perolehan atau projek Kerajaan.
9. Ini adalah peranan yang perlu dimainkan oleh PAC sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen sebagai mekanisme semak imbang antara cabang Perundangan dan cabang Eksekutif melalui punca kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR), Arahan Perbendaharaan Tahun 2023 dan Pekeliling Am Bahagian 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-kementerian Jabatan Perdana Menteri.
10. Sebelum ini, banyak pihak yang memberikan tanggapan kepada PAC bahawa Jawatankuasa ini, sering terlewat untuk memulakan prosiding berhubung isu perolehan atau tata kelola kewangan Kerajaan sehinggalah ia bermasalah. Perkara inilah yang berlaku dalam banyak prosiding PAC dan yang terbaharu adalah berhubung perolehan sistem *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)*.
11. Kerajaan atau kementerian seharusnya melihat PAC sebagai satu platform terbaik kepada Kerajaan untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada rakyat secara telus. Malah, laporan yang dibentangkan turut mengandungi rumusan serta syor

kepada Kerajaan yang dipersetujui secara konsensus semua 14 Ahli PAC sama ada daripada Kerajaan atau Pembangkang selain 7 wakil tetap (*ex officio*) jawatankuasa ini.

12. Justeru, PAC mengalu-alukan kehadiran YB Menteri Pengangkutan ke PAC apabila Jawatankuasa ini memulakan prosiding Perolehan EMU Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) untuk memberikan penerangan dan penjelasan berhubung perolehan ini.
13. Kehadiran YB Menteri dalam prosiding PAC bukan satu perkara pelik kerana YB Menteri Pertahanan dan YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri turut hadir di hadapan Jawatankuasa ini, baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen